

Tarik jawapan di dalam kotak pada tempat yang bergaris

mempengaruhi	disiplin	matang	mendidik	realiti
dibendung	melahirkan	negatif	mudah	buruknya
Ibu bapa	perbuatan	masyarakat	sebaya	Rakan-rakan

Mematuhi Peraturan dan Undang-Undang

Pada era globalisasi, remaja sering dikaitkan dengan masalah _____ yang amat membimbangkan. Masalah disiplin seperti buli, ponteng sekolah dan vandalisme semakin hangat diperkatakan oleh _____ dan juga terpapar di dada akhbar hampir setiap hari. Masalah disiplin sudah semestinya akan memberi kesan negatif terhadap diri, keluarga dan sekolah mereka. Oleh itu, kita tidak boleh memandang _____ akan masalah ini.

Punca berlakunya masalah disiplin dalam kalangan pelajar disebabkan oleh kurangnya kasih sayang _____ terhadap anak-anak. Hal ini demikian kerana, ibu bapa kini lebih mengutamakan kerjaya sehingga alpa terhadap tanggungjawab mereka terutamanya dalam _____ anak-anak.

Pengaruh rakan _____ juga merupakan salah satu faktor berlakunya masalah disiplin dalam kalangan pelajar. Sikap buruk yang ada pada _____ mereka secara tidak langsung akan berada dalam diri pelajar. Mereka bertindak untuk melakukan masalah disiplin tanpa memikirkan kesan _____. Sebagai contoh, pelajar akan menyertai _____ rakan mereka seperti merokok, membuli, ponteng sekolah dan sebagainya.

Pengaruh media elektronik merupakan punca berlakunya masalah disiplin dalam kalangan pelajar. Media elektronik banyak _____ tingkah laku remaja. Filem-filem yang ditayangkan dalam kaca televisyen menayangkan unsur-unsur yang tidak sepatutnya. Golongan pelajar yang kurang _____ secara tidak langsung akan terpengaruh dengan segala perkara _____ yang ditayangkan dalam filem tersebut.

Kesimpulannya, masalah disiplin dalam kalangan pelajar kini semakin membimbangkan. Langkah yang drastik dan efektif perlulah diambil supaya masalah disiplin ini dapat dikurangkan. Jika masalah ini dapat _____, masalah disiplin tidak lagi menghantui masyarakat kita kerana akan merosakkan akhlak, akidah dan masa depan pelajar dan hasrat negara untuk _____ remaja Brunei yang cemerlang, gemilang dan terbilang akan menjadi _____.